



KERAJAAN MALAYSIA

Pembelian Terus (Bekalan dan Perkhidmatan)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.10	Pembelian Terus (Bekalan Dan Perkhidmatan).....	1
1.	Pendahuluan.....	1
2.	Had Nilai, Kaedah Dan Syarat Pembelian Terus Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Sehingga RM50,000	1
3.	Pembelian Terus Secara Panjar Wang Runcit	3
4.	Tarikh Kuat Kuasa.....	3

PK 2.10 Pembelian Terus (Bekalan Dan Perkhidmatan)**1. Pendahuluan**

- 1.1 Semua perolehan perlu dirancang termasuk perolehan secara pembelian terus. Agensi adalah dilarang memecah kecil perolehan untuk mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender.
- 1.2 Pembelian Terus ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50 ribu setiap jenis item/perkhidmatan atau sesuatu kontrak.
- 1.3 Setiap jenis item ditafsirkan sebagai satu atau lebih barangan yang mempunyai fungsi/kategori/kegunaan yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan.
- 1.4 Setiap jenis perkhidmatan ditafsirkan sebagai satu atau lebih perkhidmatan yang mempunyai fungsi/kategori/kegunaan yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca perkhidmatan.

2. Had Nilai, Kaedah Dan Syarat Pembelian Terus Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Sehingga RM50 ribu

- 2.1 Had nilai pembelian terus bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah sehingga RM50 ribu setiap jenis item/ perkhidmatan atau sesuatu kontrak tertakluk kepada syarat seperti berikut:
 - (i) Perolehan dengan had nilai sehingga RM20 ribu setahun atau sesuatu kontrak dilaksanakan secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
 - (ii) Perolehan melebihi RM20 ribu hingga RM50 ribu setahun atau sesuatu kontrak dilaksanakan secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
 - (iii) Kajian pasaran seboleh-bolehnya dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal

tempatan supaya harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan. Pembekal tempatan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di negeri berkaitan. Sekiranya bilangan di negeri berkenaan tidak mencukupi, pembuat/pembekal di negeri berhampiran/ sempadan boleh dipelawa;

- (iv) Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, harga pembelian lampau boleh digunakan untuk perbandingan;
- (v) Kajian pasaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga yang diubahsuai, dengan melayari sistem ePerolehan, faksimili, internet atau kaedah lain yang sesuai;
- (vi) Sekiranya tidak praktikal atau tidak sesuai untuk mendapat tiga (3) tawaran, pegawai yang meluluskan perolehan hendaklah berpuas hati perolehan tersebut tidak memerlukan tiga (3) tawaran harga;
- (vii) Kajian pasaran tidak perlu jika harga barangan/perkhidmatan mempunyai harga kawalan atau telah ditetapkan seperti gula, tepung, minyak masak dan sebagainya. Bagi barangan yang tidak boleh ditawarkan seperti barangan di pasaraya juga tidak memerlukan kajian pasaran;
- (viii) Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada syarikat tertentu. Syarikat lain juga hendaklah diberi peluang untuk menyertai perolehan; dan
- (ix) Agensi hendaklah memastikan bahawa pembekal yang dipilih memiliki lesen/permit berkaitan bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit mengikut peruntukan undang-undang seperti lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya.

- 2.2 Agensi boleh menggunakan Pesanan Kerajaan sebagai dokumen untuk membuat pesanan. Sekiranya perlu Surat Setuju Terima (SST) boleh digunakan.
 - 2.3 Pesanan Kerajaan/SST hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada tarikh bekalan/perkhidmatan dipesan.
 - 2.4 Agensi hendaklah menentukan pegawai pelulus bagi permohonan perolehan secara pembelian terus melalui arahan dalaman Agensi secara bertulis.
 - 2.5 Agensi juga dikehendaki menyediakan borang permohonan Pesanan Kerajaan (Nota Minta) dalaman Agensi untuk kegunaan pegawai di Agensi masing-masing.
- 3. Pembelian Terus Secara Panjar Wang Runcit**
- 3.1 Pembelian melalui panjar wang runcit bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan dibenarkan sehingga RM500 bagi satu resit.
- 4. Tarikh Kuat Kuasa**
- 4.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.